BAB KEDUA

BAB KEDUA:

FAKTOR-FAKTOR PENGLIBATAN JUVENIL DALAM JENAYAH

2.0: Pendahuluan

Bab ini akan menyentuh mengenai sebab-sebab mengapa seseorang juvenil boleh terdorong melakukan kesalahan jenayah. Ini kerana kebiasaannya seseorang itu tidak dilahirkan sebagai pesalah. Perubahan sikap seseorang, iaitu daripada baik kepada buruk, lazimnya berlaku hasil daripada cetusan keadaan serta perubahan-perubahan fizikal dan emosi pada diri seseorang atau gangguan dari persekitaran.

2.1: Faktor-faktor Pendorong Penglibatan Juvenil Dalam Jenayah

Terdapat banyak faktor yang dikenalpasti mendorong seseorang juvenil melakukan jenayah. Antaranya ialah:

2.1.1: Faktor Diri

Perubahan yang berlaku pada diri seseorang dikenalpasti sebagai salah satu punca jenayah, terutamanya apabila manusia gagal mengawal diri mereka. Menurut Asmah Bee dan Iran Herman[1], setiap manusia akan mengalami beberapa bentuk perubahan dalam hidup mereka, terutamanya perubahan bentuk fizikal dan emosi. Proses ini berlaku dalam perkembangan setiap manusia, bermula dari zaman kanak-kanak hingga ke alam remaja, dan akhirnya alam dewasa. Perubahan yang pesat biasanya berlaku pada zaman kanak-kanak dan remaja, terutamanya semasa peringkat menjadi dewasa.

Bagaimanapun, perubahan yang melibatkan emosi didapati sering menjadikan seseorang keliru, seperti sukar untuk memahami perasaan sendiri, mudah menurut kata hati, tidak tahu untuk mengawal nafsu dengan betul, tidak tahu untuk menangani sesuatu masalah dengan baik [2]dan sebagainya. Manakala perubahan yang melibatkan fizikal seperti perubahan bentuk badan, pertumbuhan bulu dada bagi lelaki, kedatangan haid bagi perempuan dan sebagainya, tidak banyak mendatangkan masalah kepada seseorang berbanding perubahan emosi[3].

Menurut Muhd Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd Tamin, golongan juvenil, iaitu kanak-kanak dan remaja merupakan mereka yang mudah terikut-ikut dengan emosi. Mereka mudah merasa sensitif dengan peristiwa dan perubahan yang berlaku di sekeliling. Mereka juga sering memutuskan sesuatu tindakan tanpa memikirkan risikonya, di samping sering menonjolkan kegelisahan dan keresahan[4].

Sikap golongan juvenil yang digambarkan di atas adalah kesinambungan daripada sikap kurang matang dan masih mencari serta menilai identiti diri. Golongan juvenil juga suka meniru sesuatu perkara atau perbuatan yang diminati tanpa memikirkan baik atau buruk perbuatan tersebut. Mereka juga sering tidak berpuashati dengan sesuatu perkara, tidak suka dikongkong dan mahukan kebebasan. Sekiranya kehendak mereka disekat, mereka mudah memberontak, dan mudah membenci sesiapa yang dirasakan menghalang kebebasan yang diinginkan[5].

Selain sikap-sikap yang dinyatakan di atas, juvenil juga adalah kelompok yang sering berperasaan ingin tahu dan mencuba sesuatu. Namun adakalanya keinginan tersebut dilaksanakan tanpa mempedulikan kesan dan akibat buruk

daripadanya[6]. Sikap ini boleh menjerumuskan mereka ke kancah kerosakan dan masalah sosial, seterusnya boleh merebak kepada masalah jenayah.

Seseorang yang memiliki jiwa yang lemah juga boleh terdorong melakukan jenayah[7], iaitu apabila mereka tidak dapat menahan pengaruh-pengaruh ke arah itu. Perkara ini mudah berlaku pada seseorang juvenil, terutamanya disebabkan mereka mudah terpedaya dengan sesuatu yang kelihatan menarik, juga kerana tidak yakin dengan kemampuan diri dalam menangkis segala unsur negatif yang merosakkan. Sikap seperti ini boleh merangsang kadar pertumbuhan jenayah dalam negara.

Menurut Strang[8] faktor diri boleh mengubah seseorang bersikap delinkuen, seterusnya terlibat dalam jenayah, dan ianya berpunca daripada perkara-perkara berikut:-

a. merasa terasing daripada kehidupan di rumah, sekolah atau komuniti,
b. terpesong dari jalan betul dan tercampak serta terlibat dalam kumpulan-kumpulan yang tidak baik,
c. tidak puas hati dengan situasi di sekolah, sama ada kerana gagal melakukan kerja-kerja sekolah, atau tidak berminat dengan mata pelajaran yang diambil,

d. tidak disukai oleh orang yang mereka minati,
e. tidak diberi kasih sayang dan tumpuan yang sangat diharapkan daripada ibu bapa,
f. tidak mempunyai keyakinan diri, merasakan diri tidak disukai dan tidak berguna,
g. menyukai perkara-perkara yang lasak dan ganas serta sering mencari peluang melakukannya, dan
h. tidak mempedulikan dan memikirkan risiko dalam setiap tindak-tanduk mereka.

Kesimpulannya, proses perkembangan dan pembentukan diri boleh memberi kesan kepada sikap dan perlakuan seseorang. Mereka yang membesar dalam situasi yang penuh masalah dan tekanan, boleh menjejaskan kestabilan emosi, dan mudah bertindak mengikut tuntutan nafsu. Ia sebagai pelarian daripada masalah dan tekanan hidup yang dialami, selain merupakan suatu protes terhadap corak hidup yang terpaksa dilalui.

Justeru itu, selain bertanggungjawab menerangkan perkembangan fizikal yang akan dialami oleh anak-anak, ibu bapa atau penjaga juga harus mendedahkan mereka kepada perubahan emosi yang akan menyusul dan persediaan-

persediaan menghadapinya. Jika tidak, mereka mungkin terjebak ke dalam tingkah laku yang luar biasa dan menjadi nakal[9] seperti terlibat dalam gejala homoseks, penyalahgunaan dadah dan sebagainya, impak kepada sikap ingin mencuba dan seumpamanya.

2.1.2: Faktor Keluarga

Keluarga, terutamanya ibu bapa, adalah unsur terdekat dengan anak-anak. Mereka merupakan faktor penentu awal kepada pembentukan sikap dan perwatakan anak-anak. Setiap ahli di dalam keluarga, terutamanya ibu bapa dengan anak-anak, saling pengaruh mempengaruhi antara satu sama lain. Ini berlaku, terutamanya sebelum anak-anak menemui dan menerima pengaruh daripada masyarakat di luar kelompok keluarga mereka. Oleh itu, keluarga juga dikatakan turut menjadi faktor sikap delinkuen anak-anak, terutamanya apabila ianya sarat dengan pelbagai masalah[10].

Antara faktor yang sering dikaitkan dengan masalah sosial para juvenil ialah keadaan ibu bapa yang bekerja. Ini kerana kesibukan mencari rezeki menyebabkan kurangnya perhatian dan kasih sayang serta didikan yang dapat diberikan kepada anak-anak. Implikasinya, anak-anak akan merasa terbiar

tanpa perhatian, malah ada yang merasa seronok kerana bebas untuk melakukan apa sahaja, tambahan pula, ibu bapa memberikan mereka wang saku yang banyak sebagai ganti diri mereka (ibu bapa). Akibatnya anak-anak akan mengalih perhatian kepada pengasuh atau pun rakan sebaya yang dirasakan lebih memahami kehendak mereka . Pengaruh luar yang baru diperolehi ini lebih mudah memberi kesan kepada pembentukan watak dan sikap mereka, terutamanya dengan bertindak mengabaikan kehendak dan aspirasi ibu bapa [11].

Keluarga yang miskin atau berpendapatan rendah juga boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada gejala delinkuen dan jenayah di kalangan juvenil[12]. Ini berlaku apabila anak-anak daripada keluarga miskin terpengaruh dengan unsur-unsur kemewahan yang tidak mampu disediakan ibu bapa kepada mereka. Akibatnya, mereka mengambil jalan mudah dengan melakukan kegiatan mencuri dan seumpamanya, bagi mencapai impian mereka. Fenomena seperti ini boleh berlaku, terutamanya terhadap anak-anak yang tidak dididik dan dibimbing dengan sempurna dari awal, selain ianya juga berupa protes terhadap segala kekurangan yang terpaksa mereka hadapi [13].

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

A50983 7314

Pergolakan yang sering berlaku dalam sesebuah keluarga dan perceraian antara ibu bapa boleh memberi kesan terhadap pertumbuhan anak-anak, terutamanya aspek emosi mereka. Tekanan yang dialami ini boleh mendorong anak-anak melibatkan diri dalam masalah sosial dan jenayah, iaitu sebagai satu cara untuk mereka mengalihkan perhatian daripada masalah-masalah dalaman keluarga[14].

Ibu bapa yang kurang mendisiplinkan anak-anak dan terlalu memanja dan menurut kehendak mereka juga boleh memberi kesan yang buruk terhadap perkembangan diri mereka. Anak-anak yang terlalu diberi kebebasan tanpa kawalan ini mudah terjebak ke dalam kancah gejala sosial dan jenayah akibat pengaruh luar[15]. Demikian juga sikap yang terdapat pada sesebuah keluarga, terutamanya ibu bapa yang tidak mengutamakan pendidikan agama dalam keluarga, dan gemar melakukan maksiat, boleh mempengaruhi dan mendorong anak-anak melakukan perkara yang sama, malah lebih teruk daripada itu[16].

Kesimpulannya, keluarga adalah sebuah institusi pendidikan yang terawal bagi seseorang anak. Segala kebaikan yang terdapat di dalamnya boleh mempengaruhi peribadi anak-anak. Begitu juga, segala keburukan yang ada di

dalamnya boleh mempengaruhi anak-anak. Bagi memastikan anak-anak terhindar daripada segala unsur yang boleh merosakkan perkembangan diri dan emosi mereka, segala keburukan yang terdapat dalam sesebuah keluarga juga mestilah dihindarkan terlebih dahulu. Ini penting untuk pembentukan sahsiah yang sempurna bagi anak-anak.

2.1.3: Faktor Rakan Sebaya

Rakan-rakan memainkan peranan penting kepada seseorang juvenil. Pengaruh mereka amat dominan ke atas seseorang juvenil. Ia boleh mencetuskan pelbagai situasi yang baik atau buruk kepada pembentukan peribadi mereka, iaitu bergantung kepada rakan-rakan yang dipilih[17]. Bagaimanapun, perbincangan di sini hanya menyentuh pengaruh tidak baik yang diperolehi daripada rakan-rakan yang tidak baik.

Pergaulan dengan rakan-rakan boleh mengurangkan pergantungan kepada keluarga, terutamanya ibu bapa. Malah, rakan-rakan boleh menjadi sumber rujukan utama dalam setiap masalah dan corak hidup seseorang juvenil. Mereka menganggap segala perkara yang dilakukan oleh rakan-rakan adalah

baik dan betul, malah cuba menirunya tanpa mempertimbangkan baik buruknya[18].

Kebanyakan masalah yang berlaku sekarang, seperti penglibatan juvenil dalam masalah sosial, jenayah dan seumpamanya, banyak berpunca daripada pengaruh rakan-rakan[19]. Sebagai contoh, penglibatan juvenil dalam masalah disiplin di sekolah banyak terjadi kerana ajakan dan terpengaruh dengan rakan-rakan. Bermula daripada masalah disiplin yang kecil seperti merokok, ponteng sekolah dan sebagainya, seseorang juvenil boleh terlanjur dalam kes-kes pergaduhan, mencuri, mencederakan rakan , malah membunuh[20], seperti yang banyak disiarkan oleh media massa akhir-akhir ini.

Kesimpulannya, pemilihan rakan sebaya perlu dilakukan dengan berhati-hati, kerana ia boleh mencerminkan sikap dan perwatakan seseorang, di samping pengaruh mereka boleh mengatasi pengaruh yang terdapat dalam keluarga. Rakan-rakan yang mempunyai perangai yang jahat boleh mempengaruhi seseorang untuk turut berbuat jahat, kerana itu, keburukan sikap rakan-rakan dikatakan sebagai gambaran keburukan sikap seseorang, dan begitulah sebaliknya.

2.1.4: Faktor Pendidikan

Pendidikan mampu mempengaruhi peribadi seseorang, bergantung kepada corak yang diterima mereka. Seseorang yang mendapat pendidikan dalam keadaan serba kekurangan, umpamanya, masa yang terhad untuk belajar kerana terpaksa menolong keluarga sewaktu di rumah, atau suasana belajar yang tidak selesa, boleh mengganggu minat mereka untuk belajar. Situasi sebegini yang berterusan, boleh menimbulkan tekanan dalam diri mereka, seterusnya mengurangkan minat untuk belajar. Akhirnya mereka yang bermasalah ini lebih gemar melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan yang tidak mendatangkan faedah, kegiatan yang tidak bermoral dan kegiatan jenayah, sedangkan pada awalnya mereka tidak bermaksud demikian.

Antara faktor di dalam pendidikan yang menyumbang kepada masalah sosial di kalangan juvenil ialah peruntukan subjek yang terlalu padat, persekitaran bilik darjah yang kurang selesa dan penyampaian guru-guru yang membosankan. Kewujudan faktor-faktor ini boleh menjadikan seseorang pelajar merasa tertekan kerana tidak dapat menghadapi pelajaran dengan tenang. Keadaan begini yang berterusan lambat laun boleh menyebabkan mereka mengabaikan pelajaran, dan datang ke sekolah untuk berseronok

dengan rakan-rakan. Sikap ini boleh mendorong mereka melanggar disiplin sekolah dan seumpamanya, sebagai protes ketidakpuasan hati, dan jika tidak dibendung dari awal, pelajar tersebut berkemungkinan akan terlibat dalam masalah sosial, jenayah dan sebagainya lagi[21].

Pendidikan yang berorientasikan peperiksaan juga boleh menyumbang kepada gejala sosial dan jenayah di kalangan juvenil, terutamanya kepada para pelajar yang lemah dan tercicir. Tekanan yang dialami untuk menghadapi peperiksaan, di samping sikap guru-guru yang mengabaikan mereka, akan menghilangkan minat untuk terus belajar. Gejala ini boleh mewujudkan kecenderungan untuk melakukan perkara-perkara di luar kebiasaan, dengan matlamat menarik perhatian orang ramai terhadap mereka, seperti melanggar disiplin, berkawan dengan golongan yang nakal dan terlibat dalam jenayah[22].

Pendidikan hari ini yang membezakan antara subjek akademik dengan subjek agama, tidak memberi penekanan kepada subjek agama dan moral dan seumpamanya juga menyumbang kepada masalah sosial dan jenayah yang dihadapi hari ini. Apabila subjek-subjek agama dan moral tidak diberi keutamaan dan tidak disyaratkan untuk lulus peperiksaan, kebanyakan pelajar hanya mempelajarinya sambil lewa dan tidak betul-betul memahaminya. Ini

menyebabkan mereka, terutamanya yang tidak mendapat pendidikan asas dari rumah, mudah terdedah kepada unsur-unsur yang bertentangan dengan agama seperti terlibat dalam masalah keruntuhan akhlak, melakukan jenayah dan lain-lain lagi[23].

Masalah jenayah di kalangan juvenil banyak melibatkan kaum Melayu yang beragama Islam. Hal ini adalah berkaitan dengan corak pendidikan yang mereka terima hari ini. Sistem pendidikan negara kini merupakan suatu sistem yang diasaskan dari barat yang dikenali sebagai sistem pendidikan sekular[24]. Ia memperkenalkan pendidikan vernakular (iaitu perbezaan antara sekolah kebangsaan, jenis kebangsaan dan agama), dan menghapuskan sistem pengajian pondok (pengajian kitab-kitab agama) yang merupakan sistem pendidikan masyarakat Melayu yang beragama Islam sebelum kedatangan British. Penghapusan aspek agama dalam pendidikan yang diterima oleh masyarakat Melayu hari ini menyebabkan ramai yang terasing daripada ajaran agama sendiri. Kesannya, pengetahuan agama yang sedikit tidak dapat menjadi benteng yang menghalang perlakuan-perlakuan yang bertentangan dengan kehendak agama mereka[25].

Dasar Pendidikan Kebangsaan yang mewajibkan kegiatan ko-kurikulum kepada setiap pelajar banyak mendatangkan kebaikan seperti menggalakkan semangat berkumpulan, bekerjasama dan menghormati peraturan[26]. Walau bagaimanapun ianya juga mengandungi unsur-unsur negatif seperti terdedah kepada risiko pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan. Kawalan guru-guru yang tidak menyeluruh akan menggalakkan lagi fenomena ini. Kesannya, para pelajar boleh terdorong kepada perbuatan-perbuatan sumbang seperti khalwat, zina, rogol, jenayah dan sebagainya.

Kesimpulannya, cara seseorang menerima dan mengamalkan pendidikan boleh mempengaruhi baik atau buruknya sikap mereka. Kejayaan dalam pendidikan bukan sekadar diukur berdasarkan kejayaan dalam peperiksaan semata-mata, malah juga merangkumi kejayaan mendidik dan membentuk peribadi yang mulia.

2.1.5: Pengaruh Media Massa

Media massa merupakan suatu alat sebaran am yang paling berpengaruh masa kini. Ia meliputi media cetak seperti akhbar dan majalah, dan media elektronik seperti televisyen, radio, internet dan sebagainya. Selain berfungsi memberi pengetahuan, menyebarkan maklumat perniagaan dan sosial, dan sebagainya, media massa juga mampu menjadi alat yang mempengaruhi pemikiran, perkembangan jiwa dan pembinaan pola hidup seseorang. Terdapat banyak unsur positif yang dapat diperolehi daripada media massa, namun pada masa yang sama unsur-unsur negatif turut diserapkan. Ini amat memerlukan kemampuan seseorang dalam menilai, seterusnya memilih unsur-unsur yang boleh mendatangkan manfaat kepada diri mereka.

Media massa berupaya mempengaruhi pola hidup dan perwatakan seseorang, terutamanya golongan juvenil yang kurang pengalaman dan pengetahuan, serta masih belum matang dalam membuat tindakan. Juvenil yang kurang mendapat kawalan dan bimbingan boleh terdedah kepada pengaruh buruk daripada media massa, seperti mengamalkan pergaulan bebas tanpa batasan, menyalahgunakan dadah, melakukan jenayah seperti merompak, merogol dan sebagainya[27].

Antara contoh pengaruh negatif yang terdapat di dalam media massa ialah iklan-iklan yang berunsur erotik, filem-filem yang berunsur ganas dan seks, gambar-gambar lucah dan separa lucah yang banyak terdapat di dalam majalah-majalah hiburan dan lain-lain lagi. Seseorang boleh terpengaruh untuk meniru aksi-aksi yang dilihat atau ditonton daripada media massa, terutamanya golongan juvenil yang masih belum dapat mengawal keinginan mereka dengan baik[28].

Ini terjadi disebabkan media massa boleh memberikan tiga kesan utama kepada seseorang, iaitu[29]:-

i. kesan terus melalui pemerhatian seperti mengikut stail rambut dan percakapan,
ii. kesan halangan seperti halangan untuk mengikuti tingkah laku watak yang dibenci, dan
iii. kesan lepas halangan seperti kemungkinan meniru tingkah laku aneh atau yang ditegah kerana terpengaruh dengan watak utama yang diminati.

Selain daripada itu, terdapat tiga tahap kesan negatif media massa terhadap juvenil yang dikenali sebagai kesan kognitif, kesan kepada perasaan dan emosi, dan kesan kepada tingkah laku. Media boleh meninggalkan kesan kepada pemikiran seseorang, terutamanya juvenil, kerana boleh membuatkan mereka menangis, ketawa, merasa kecewa, merasa terasing dan kesunyian, atau memberikan keyakinan diri[30].

Kesimpulannya, pengawalan terhadap penyiaran media massa perlu dibuat dengan sebaiknya untuk mengelakkan pengaruh tidak sihat ke atas penggunanya. Walaupun tidak semua siaran atau rancangan yang terdapat di dalam media massa mengandungi unsur-unsur negatif, namun pengaruh-pengaruh seumpama ini lebih mudah meninggalkan kesan kepada seseorang, terutamanya golongan seperti juvenil.

Selain daripada itu, terdapat tiga tahap kesan negatif media massa terhadap juvenil yang dikenali sebagai kesan kognitif, kesan kepada perasaan dan emosi, dan kesan kepada tingkah laku. Media boleh meninggalkan kesan kepada pemikiran seseorang, terutamanya juvenil, kerana boleh membuatkan mereka menangis, ketawa, merasa kecewa, merasa terasing dan kesunyian, atau memberikan keyakinan diri[30].

Kesimpulannya, pengawalan terhadap penyiaran media massa perlu dibuat dengan sebaiknya untuk mengelakkan pengaruh tidak sihat ke atas penggunanya. Walaupun tidak semua siaran atau rancangan yang terdapat di dalam media massa mengandungi unsur-unsur negatif, namun pengaruh-pengaruh seumpama ini lebih mudah meninggalkan kesan kepada seseorang, terutamanya golongan seperti juvenil.

2.2: Kesimpulan

Berdasarkan kajian di dalam bab ini dapat disimpulkan bahawa pendidikan asas memainkan peranan penting dalam membentuk diri seseorang. Pendidikan awal daripada ibu bapa adalah jaminan pertama untuk anak-anak mengelakkan diri daripada unsur-unsur yang boleh merosakkan diri mereka, seumpama gejala sosial yang melanda anak-anak muda masa kini. Pendidikan akhlak, sebagai contoh, boleh membantu menghindarkan anak-anak daripada perkara-perkara negatif seperti terlibat dalam kegiatan tidak bermoral seperti menagih dadah, mencuri, merogol dan sebagainya. Pengabaian aspek pendidikan akhlak dalam diri anak-anak adalah seumpama menyediakan ruang yang mudah untuk mereka 'diserang' penyakit-penyakit sosial, disebabkan mudah terpengaruh dan dipengaruhi oleh gejala-gejala tidak sihat seperti dari media-media massa, rakan-rakan yang tidak baik, persekitaran yang tidak menyenangkan dan sebagainya. Meskipun tugas asas dalam memberi pendidikan terhadap anak-anak terletak di bahu ibu bapa, namun ia tidak bererti pihak lain seperti pihak berkuasa, mereka yang terlibat mengendalikan media-media massa dan lain-lainnya boleh berlepas tangan. Ini kerana usaha membendung masalah sosial dan jenayah di kalangan juvenil memerlukan kerjasama daripada semua pihak bagi memastikan kejayaannya.

Nota Hujung

[1]Asmah Bee Mohd Noor, Iran Herman (1995), **Membina Kesejahteraan Remaja;** Bandar Baru Bangi: Tekno Edar, m.s.1 dan 9.

[2] Asmawati Baharuddin, Norhalim Ibrahim (1996), **Peranan Ibu Bapa;** Kajang: Makruf Publisher & Distributors Sdn. Bhd., m.s.39.

[3] Asmah Bee Mohd Noor, Iran Herman (1995), op.cit., m.s.1 dan 9.

[4] Muhd Mansur Abdullah, Siti Nordinar Mohd Tamin (1988), **Psikologi Remaja;** Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., m.s.20-21.

[5] Corsini, Raymond J. (Ed.) (1994), ***Encyclopedia of Psychology***; Volume 1, (t.k): John Wiley & Sons, m.s.23; Blair, Glenn Myers; Jones, R Stewart; Simpson, Ray H (1994), **Psikologi Pendidikan;** (Terjemahan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, m.s.83-84.

[6] Baharudin Ali Masrom, Zaini Ujang, Fatini Yaacob (1992), **Fenomena Remaja;** Kuala Lumpur: Arena Ilmu (M) Sdn. Bhd., m.s.2; Abu Saufi (1995), **Tanggungjawab Ibu Bapa Muslim;** Batu Caves: Pustaka Ilmi, m.s.18-25; Samat bin Buang, *'Bagaimana Menangani Disiplin Remaja: Alam Remaja Penuh Dengan Tuntutan Emosi'*; majalah **Dewan Masyarakat,** April 1994, m.s.44.

[7] Idris Zakaria (1989), **Pemikiran Islam Tentang Kehidupan;** Shah Alam: Marwilis Publisher & Distributors Sdn. Bhd., m.s.85.

[8] Strang, Ruth (1952), ***Facts About Juvenile Delinquency***; (t.k):Science Research Associates, m.s.15.

[9] Rohaty Mohd Majzub (1998), **Memahami Jiwa Dan Minda Remaja;** Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., m.s.36; Mohd Reduan Aslie, *'Usaha Mencegah Perlu Diambil: Jenayah Di Kalangan Remaja'*; majalah **Mastika,** Disember 1991, m.s.15; Maznah Baba (Dr), Norhalim Ibrahim, *'Remaja Lelaki Dan Perempuan Homoseks- Di Mana Silapnya?'*; koleksi kertas kerja **Seminar Kebangsaan Gejala Sosial 1995,** selenggaraan Dr. Mahmood Nazar Mohamed & Hjh Sabitha Marican, Sekolah Pembangunan Sosial, Universiti Utara Malaysia, m.s.29.

[10] Melson, Gail Freedman (1989), **Keluarga Dan Persekitaran-Perspektif Ekosistem;** (Terjemahan), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, m.s.7 dan 19; Siti Fatimah Abdul Rahman, *'Pembentukan Keperibadian'*; Siti Fatimah Abdul Rahman (Ed.), (1994), **Asas-asas Masyarakat Cemerlang;** Kuala Lumpur: IKIM, m.s.51; Rozumah Baharuddin, (1985), **Perkembangan Kanak-kanak;** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, m.s.60.

[11] Faridah Taib, Zuraidah Ali (1995), **Masalah Remaja;** Petaling Jaya: Penerbitan Pinang, m.s. 3; Abu Saufi (1995),op.cit., m.s. 4 ; Mohd Reduan Aslie (1990), **Jenayah Di Malaysia: Aliran, Punca, Penyelesaian;** Kuala Lumpur: AMK Interaksi Sdn.Bhd., m.s. 266-267 ; Siti Fatimah Abdul Rahman, *'Fungsi Keluarga Dan Peranan Ahlinya Dalam Pembangunan Negara';* : Siti Fatimah Abdul Rahman (Ed.) (1994), op.cit., m.s.60; Al Hunafa, *'Social Ills : Some Opinion';* majalah ***We Care***, Vol.5, No. 20, April-Jun 1997, Kuala Lumpur: Baitulmal MAIWP, m.s 11.

[12] Ibrahim Husein M.A (1971), **Kenakalan Anak-anak;** Bandung: Penerbit P.T.Alma'arif, m.s.41.

[13] Ann Wang Seng (1994), **Kerenah Remaja Hari Ini;** Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti, m.s. 29-30; Kajian yang dijalankan di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi dan Sekolah Henry Gurney Telok Mas juga mendapati bahawa sebahagian besar pelatih berasal daripada keluarga yang kurang berada, iaitu berdasarkan kebanyakan ibu bapa mereka bekerja kampung seperti petani, nelayan dan seumpamanya.

[14] Ismail Ibrahim (Dr), *'Masyarakat Penyayang";*Siti Fatimah Abdul Rahman, Hamiza Ibrahim (Ed.) (1994), **Islam: Penyelesaian Permasalahan Zaman Moden;** Kuala Lumpur: IKIM, m.s.65; Mohd Reduan Aslie (1990), op.cit., m.s.125; Rozumah Baharuddin (1985), op.cit., m.s.63-64; Asmah Bee Mohd Noor, Iran Herman (1995), op.cit., m.s.35-36; Mohd Amin H.A.Shariff (1998), **Perkembangan Remaja: Pandangan, Pemahaman dan Interpretasi;** Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s.71-72.

[15] Mohd Reduan Aslie (1990), op.cit., m.s.268-269.

[16] Ghafani Awang Teh (1997), **Kenakalan Remaja Dari Perspektif Islam;** Kuala Lumpur: JAKIM, m.s.14-15.

[17] Mohd Reduan Aslie (1990), op.cit., m.s.252-255; Rozumah Baharuddin (1985), op.cit., m.s.61-62.

[18] Siti Fatimah Abdul Rahman, *'Pembentukan Keperibadian';*Siti Fatimah Abdul Rahman (Ed.) (1994), op.cit., m.s.51; Asmah Bee Mohd Noor, Iran Herman (1995), op.cit., m.s.40-41.

[19] Gottfredson, Michael R; Hirschi, Travis,*'A General Theory of Adolescent Problem Behavior:Problems and Prospects';* Ketterlinus, Robert D; Lamb, Michael E (Ed.) (1994), **Adolescent Problem Behaviors-Issues and Research;** New Jersey:Lawrence Erlbaum Associates, m.s.42; Soalselidik di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi dan Sekolah Henry Gurney Telok Mas mendapati 99% daripada pelatih terlibat dalam jenayah kerana dipengaruhi oleh rakan-rakan.

[20] Rohaty Mohd Majzub (1998), op.cit., m.s.61-62; Samat bin Buang,*'Bagaimana Menangani Disiplin Remaja-Alam Remaja Penuh Dengan Tuntutan Emosi';* majalah **Dewan Masyarakat,** April 1994, m.s.44.

[21] Che Noraini Hashim (Dr), *'Keruntuhan Akhlak Masyarakat-Punca-punca dan Penyelesaiannya'*; Kertas Kerja **Seminar Pemantapan Akhlak dan Moral Masyarakat Malaysia,** Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 15-16 November 1997, m.s.9-10.

[22] ibid; **Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (7hb November 1979);** (1982), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s.125.; Kajian yang dijalankan di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi dan Sekolah Henry Gurney Telok Mas mendapati bahawa kebanyakan pelatih adalah mereka yang tercicir dalam pelajaran akademik sewaktu di sekolah dahulu.

[23] Amran Kasimin (Dr) (1993), **Masalah Sosial dan Hubungannya Dengan Didikan Agama;** Kuala Lumpur: Dinie Publishers, m.s.36-37; Yusuf al Azam (1986), **Pemisahan Antara Agama dan Negara;** (Terjemahan), Petaling Jaya: Pustaka Salam, m.s.31-33.

[24] Abdul Rahim bin Abdullah, *'Melaka: Orang Melayu dan Pendidikan Sekular'*; Khoo Kay Kim, Mohd Fadzil Othman (Ed) (1980), **Pendidikan Di Malaysia Dahulu dan Sekarang;** Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, m.s.1.

[25] Mok Soon Sang, Lee Shok Mee (1988), **Pendidikan Di Malaysia;** Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., m.s.9-11, 13-22 dan 40-43; Dalam seksyen 50(1) Akta Pendidikan 1996 diperuntukkan bahawa, pendidikan agama di sekolah-sekolah disyaratkan kepada pelajar-pelajar yang beragama Islam jika bilangan mereka mencukupi lima orang atau lebih dalam sesebuah sekolah. Ini bererti, sekiranya bilangan pelajar yang beragama Islam tidak mencukupi lima orang, mereka tidak akan diberi pendidikan agama. Tindakan ini akan menjauhkan pengetahuan agama daripada pelajar tersebut. Manakala dalam seksyen 50(2) akta yang sama diperuntukkan bahawa, subjek agama hendaklah diajar sekurang-kurangnya dua jam seminggu dalam waktu pengajaran biasa.

[26] **Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (7hb November 1979);** (1982), op.cit., m.s.119.

[27] ibid, m.s.117.

[28] Abdul Rashid Abdul Rahman, *'Masyarakat Melayu:Jenayah Remaja dan Penyelesaiannya'*; Mahadi Osman, Syed Nurul Akla Syed Abdullah, Saadiah Hassan (Ed.) (1995), **Masyarakat Melayu dan Gejala Sosial: Proses Penyelesaiannya Ke Arah Pembinaan Masyarakat Melayu Abad ke-21;** Kuala Lumpur: INMIND, m.s.107; Asmah Bee Mohd Noor, Iran Herman (1995), op.cit., m.s.114-117; Ann Wan Seng (1994), op.cit., m.s.74; Robert Hamly (1995), **Bohsia: Punca dan Penyelesaiannya;** Ampang: Citakhidmat (M) Sdn.Bhd., m.s.48; *'Pengaruh Media Ke Atas Akhlak Remaja'*; majalah **Dakwah,** April 1998, m.s.31-32.

[29] Mohd Yusof Hussain (Prof. Dr), *'Kesan Media Massa Terhadap Masyarakat Malaysia'*; kertas kerja **Seminar Pemantapan Akhlak dan Moral Masyarakat Malaysia;** op.cit., m.s.5-6.

[30] Asmah Bee Mohd Noor, Iran Herman (1995), op.cit., m.s.107.